



IMBASAN PELAJARAN SEBELUM INI

Ada 5 sebab kemunculan cinta iaitu :

- i) Kerana fitrah manusia mencintai dirinya sendiri.
- ii) Kerana fitrah manusia mencintai orang yang berbuat ihsan (buat baik) kepada dirinya.
- iii) Kerana fitrah manusia mencintai yang baik-baik, sekalipun kebaikan itu tidak diperolehinya.
- iv) Kerana manusia mencintai kebaikan dan keindahan yang batiniyyah (bersifat dalaman).
- v) Kerana wujudnya keserasian.

Sebenarnya, dalam kelima-lima hal di atas :

- i) Manusia sebenarnya mencintai Allah, kerana kesemua cinta itu "kena" pada Allah sahaja, tidak kena pada mana2 makhluk.
- ii) Ada manusia yang tahu akan hal ini dan ramai yang tidak tahu.
- iii) Ada yang sampai ke peringkat faham, dan ramai yg tidak faham.
- iv) Ada yang sampai ke peringkat sedar, tapi ramai yg tidak sedar.
- v) Ada yang sampai ke peringkat amal, tapi ramai yang tidak amal.

- vi) Ada yang sampai ke peringkat menghayati amalnya, tapi ramai yang belum sampai.
- vii) Ada yang sudah mencapai matlamat (iaitu cinta Allah), tapi ramai yang belum sampai.

Pada HAKIKATNYA :

- Kesemua cinta datangnya drpd Allah dan kembali kpd Allah juga.
- Semuanya bermula daripada Allah dan “kena” juga kepada Allah sendiri, tidak kena pada mana-mana makhluk.
- Dalam bahasa dalam atau bahasa sufinya : “Pada HAKIKATnya, Yang Mencinta itulah Yang Dicinta.”
- “Tidak ada Yang Mencinta selain Allah.”
- “Tidak ada Yang Dicinta selain Allah.”
- Maka orang yang berilmu hakikat dan mencapai ma’rifat, cintanya menembusi makhluk lalu kena pada Allah.
- Akhirnya, hanya ada satu cinta sahaja iaitu cinta Allah.

Contoh peringkat-peringkat pencapaian dalam pelajaran cinta Allah:

- i. Peringkat tak tahu/belum tahu – Dia tak tahu pun bahawa yang ada hanyalah cinta Allah.
- ii. Peringkat tahu – Dia dapat tahu bahawa yang ada hanyalah cinta Allah.
- iii. Peringkat faham – Dia faham mengapa yang ada hanyalah cinta Allah sahaja.
- iv. Peringkat sedar – Dia mula berfikir cara-cara dan usaha-usaha untuk mendapatkan cinta Allah itu.
- v. Peringkat amal – Mula mengamalkan cinta Allah dan mempertingkatkan amalan dari semasa ke semasa.
- vi. Peringkat menghayati – Mengamalkan cinta Allah dengan khusyuk dan menterjemahkannya dalam seluruh aspek kehidupan.
- vii. Peringkat mencapai – Berjaya mencapai cinta Allah.

Dalam pelajaran cinta Allah ini, apakah had paling bawah bagi orang-orang awam, orang-orang yang hanya ada ilmu syariat (yang tidak belajar ilmu hakikat)?

Mesti (wajib) mencintai Allah nombor 1. Mesti (wajib) mencintai Allah melebihi yang lain-lain.

**Rata-rata ahli masyarakat kita berada dalam golongan ini.*

**Majoriti umat Islam pun berada dalam golongan ini.*

**Bahkan sebahagian orang yang bergelar ilmuwan agama pun berada dalam golongan ini.*

Apakah had paling bawah bagi orang-orang syariat yang ada ilmu hakikat?

Selain yg di atas, mesti meyakini bahawa pada hakikatnya Yang Mencinta hanyalah Allah, dan Yang Dicinta juga ialah Allah.

Yang Mencinta dan Yang Dicinta adalah sama, adalah satu.

Hanya ada satu cinta, iaitu CINTA ALLAH.

PERKONGSIAN UNTUK MALAM INI

(ms 432) Ada pun sebab keempat, iaitu cinta setiap yang cantik, kerana kecantikannya. **Tidak kerana keuntungan** yang diperolehi daripadanya, di balik mengetahui kecantikannya.

Telah kami terangkan bahawa yang demikian pada **kecantikan bentuk zahiriyah** yang diketahui dengan mata kepala. Dan **kecantikan bentuk batiniyah** yang diketahui dengan mata hati dan nur penglihatan jiwa.

Yang pertama itu diketahui oleh anak-anak dan haiwan. Dan yang kedua khusus orang-orang yang mempunyai hati mengetahuinya. Tidak berkongsi dengan mereka padanya, orang yang tidak mengetahui, selain yang zahiriah dari kehidupan duniawi. Setiap kecantikan, maka itu dicintai oleh yang mengetahui kecantikan. **Kalau ia mengetahui dengan hati, maka itu dicintai dengan hati.**

(ms 433) Contoh ini dalam penyaksian ialah kecintaan nabi-nabi, para ulama dan orang-orang yang bersifat mulia, yang menjadi kebiasaannya dan mempunyai budi pekerti yang menyenangkan.

Bahawa yang demikian itu dapat tergambar di ruang mata, serta kacaunya bentuk muka dan anggota-anggota badan lainnya. Itulah yang dimaksudkan dengan bagus bentuknya batiniyah.

Dan pancaindera tidak mengetahuinya. Ya, diketahui dengan bagusnya bekas-bekasnya yang timbul daripadanya, yang menunjukkan kepada yang demikian. Sehingga apabila hati menunjukkan kepadanya, nescaya cenderunglah hati kepadanya. Lalu dicintainya.

Maka siapa yang mencintai Rasulullah saw atau Abu Bakar Siddiq ra atau Asy-Syafi'i, maka ia tidaklah mencintai mereka, selain kerana kebagusan apa yang lahir daripada mereka.

Tidaklah yang demikian itu **kerana bagusnya bentuk mereka** dan tidak kerana bagusnya perbuatan mereka. Akan tetapi, ditunjukkan oleh kebagusan perbuatan mereka, kepada **kebagusan sifat-sifat**, yang menjadi **sumber segala perbuatan**.

Kerana segala perbuatan itu bekas-bekas yang datang daripadanya dan yang menunjukkan kepadanya.

Siapa yang melihat bagusnya karangan seorang pengarang dan bagusnya syair seorang penyair, bahkan bagusnya ukiran seorang

pengukir dan bangunan seorang pembangun, nescaya tersingkaplah baginya dari perbuatan-perbuatan ini, akan sifat-sifatnya yang baik, yg batiniyah, yg kembali hasilnya ketika dibahas, kpd ilmu & kemampuan.

Kemudian, setiap kali ada yang diketahui itu lebih mulia dan lebih sempurna kecantikan dan kebesarannya, nescaya adalah itu lebih mulia dan lebih cantik.

Demikian juga yang disanggupi, setiap kali ada ia lebih besar martabatnya dan lebih mulia kedudukannya, nescaya adalah kesanggupan kpdnya itu lebih agung tingkatnya & lbh mulia kadarnya.

Yang termulia dari segala yang diketahui ialah Allah Taala.

Maka tak dapat dielakkan lagi, bahawa **ilmu yang terbagus dan termulia ialah mengenal Allah Ta'ala**. Seperti demikian juga, apa yang mendekatinya dan yang khusus dengan dia. Maka kemuliaannya adalah di atas kadar kesangkutannya dengan ilmu itu.

Jadi, keelokan sifat orang-orang siddiq yang dicintai mereka oleh hati manusia secara tabi'l itu kembali kepada **tiga perkara** :

1. Salah satu daripadanya ialah tahunya mereka akan Allah, para malaikat-Nya, kitab-kitab-Nya, rasul-rasul-Nya dan syariat-syariat para nabinya.
2. Kedua: mempunya mereka memperbaiki diri, memperbaiki hamba-hamba Allah, dengan petunjuk dan politik.
3. Ketiga : Bersihnya mereka dari sifat-sifat kehinaan, kekejian dan nafsu syahwat yang mengerasi, yang memalingkan dari jalan-jalan kebajikan, yang menarik kepada jalan kejahatan.

(ms 434) Dgn contoh ini, ia mencintai nabi2, para ulama, para khalifah dan raja2, yang mereka itu orang2 yang menjalankan keadilan dan kemurahan. Maka **kaitkanlah sifat2 ini kepada sifat-sifat Allah Taala**.

Ada pun ilmu, maka di manakah perbandingannya ilmu orang2 dahulu dan orang2 kemudian, dengan ilmu Allah Taala, yang meliputi dgn setiap sesuatu, yg keluar dari berkesudahan. Sehingga tidak tersembunyi daripada-Nya seberat atom pun, di langit dan di bumi.

Ia menunjukkan kpd semua makhluk, maka Ia 'Azza wa Jalla berfirman : *"Dan tidaklah kamu diberi ilmu melainkan sedikit."* (Al-Isra' : 85)

Bahkan jika berkumpul isi bumi dan langit untuk melingkungi ilmu Allah dan hikmahNya pada menghuraikan seekor semut atau nyamuk, nescaya mereka tidak akan melihat kepada seperseratus yang demikian. Mereka tidak akan melingkungi sesuatu dari ilmuNya selaian dengan apa yang dikehendakiNya dan kadar yang sedikit yang diajarkannya kepada seluruh makhluk. Maka dengan pengajaranNya, mereka mengetahui ilmu itu.

Sebagaimana Ia Yang Maha Tinggi berfirman : *"Dia menciptakan insan, mengajarnya pandai berbicara."* (Ar-Rahman : 3-4)

Bermacam ilmu para ulama itu adalah kebodohan, dengan dikaitkan kepada ilmuNya.

Berlebih kurangnya di antara ilmu Allah dan ilmu para makhluk itu, lebih banyak daripada berlebih kurangnya ilmu makhluk yang terpandai dengan yang terbodoh dari mereka.

(ms 435) Kerana yang terpandai itu tidak melebihi dari yang terbodoh, selain dengan ilmu-ilmu yang terhitung bilangannya dan yang berkesudahan, yang tergambar pada kemungkinan, bahawa dapat dicapai oleh yang terbodoh, dengan usaha dan kesungguhan. Dan kelebihan ilmu Allah Taala atas ilmu makhluk semuanya itu di luar dari kesudahan. Kerana yang diketahuinya tidak berkesudahan dan yang diketahui makhluk berkesudahan.

Adapun setiap makhluk, maka tidaklah terlepas dari suatu kekurangan dan dari banyak kekurangan. Bukan setiap makhluk itu lemah, diciptakan, diperintah, yang dipaksakan. Makhluk itu sendiri kecelaan dan kekurangan. Kesempurnaan hanyalah bagi Allah Yang Maha Esa.

Jadi yang elok itu dicintai. Yang elok mutlak ialah Yang Maha Esa yang tidak boleh tidak bagiNya, Yang Tunggal, yang tiada lawan bagiNya, yang setiap sesuatu bergantung kepadaNya, yang tidak membantahNya, Yang Kaya, yang tiada mempunyai hajat keperluan,, Yang Kuasa, yang berbuat sekehendakNya, yang menghukumkan apa yang dikehendakiNya. Tiada yang menolak bagi hukumNya. Tiada yang mendatangkan akibat bagi hukumNya. Yang Mengetahui, yang tiada tersembunyi dari ilmuNya seberat atom pun di langit dan di bumi.

Yang Perkasa, yang tiada keluar dari genggamannya leher orang-orang yang sombong. Tiada terlepas dari kekuasaan dan keperkasaannya belakang leher raja-raja yang perkasa. Yang Azali, yang tiada permulaan bagi wujudNya, Yang Abadi, yang tiada penghabisan bagi baqaNya. Yang mudah difahami wujudNya, yang tidak beredar kemungkinan tidak ada, di keliling hadratNya.

Yang berdiri sendiri, yang berdiri dengan sendirinya dan berdiri setiap yang ada dengan sebabNya. Yang menggagahi langit dan bumi. Yang menciptakan benda keras, haiwan dan tumbuh-tumbuhan. Yang sendirian dengan kemuliaan dan keperkasaan.

Yang hairan semua akal pada mengenal kemuliaannya, yang bisu semua lidah pada menyifatkannya. Yang kesempurnaan ma'rifah orang-orang yang berma'rifah ialah mengaku dengan kelemahan daripada ma'rifahnya. Dan kesudahan kenabian nabi-nabi ialah mengaku dengan kependekan kesanggupan daripada menyifatkannya.

Maka kecintaan dengan sebab ini **adalah lebih kuat dari kecintaan dengan sebab al-ihsan**. Kerana al-ihsan itu bertambah dan berkurang.

Tersebut dalam Zabur : “Siapakah yang lebih zalim dari orang yang beribadah kepadaku, kerana syurga dan neraka? Jikalau tidaklah Aku ciptakan syurga dan neraka, apakah Aku tidak berhak untuk ditaati?”

Nabi Isa as lalu pada tempat suatu golongan yang banyak beribadah, yang kurus badannya. Mereka itu mengatakan : “Kami takut kepada neraka dan kami mengharap akan syurga.”

N. Isa menjawab : “Makhluk yg kamu takuti & makhluk yg kamu harap.”

Ia lalu pula pada tempat kaum yang lain seperti yang demikian : .

Mereka itu mengatakan : “Kami menyembahNYa kerana cinta kepadaNYa dan membesarkanNYa kerana keagunganNYa.”

Nabi Isa menjawab : “Kamu adalah auliya’ (wali2) Allah yg sebenarnya. Bersama kamu aku disuruh bahawa aku bertempat tinggal.”

Abu Hazim berkata : “Aku malu bahawa aku beribadah kepadaNYa kerana pahala dan seksa. Maka dengan demikian, adalah aku seperti budak yang jahat. Jikalau tidak takut, nescaya ta tidak bekerja. Dan seperti orang yang diupahi, yang jahat, jikalau tidak diberi upah, nescaya ia tidak bekerja.”